SEKOLAH RENDAH SRI KDU
JABATAN BAHASA MELAYU

LEMBARAN KERJA PENULISAN C

Nama: _____ Kelas : 6_____ Tarikh : 17 April 2020

Penulisan C – Menyambung Cerita (Rumahku dimasuki Pencuri)

Baca dengan teliti cerita di bawah. Kemudian isi tempat-tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

lega	*bangga*	*ditangkap*	*tersenyum*	*mencurigakan*
mengintai	*peralatan*	*mundar-mandir*	*segera*	*tercengang*
hati	*mengantuk*			

Hari sudah larut malam. Adik-adik aku sudah tidur, namun ibu bapa aku belum juga pulang. Aku menjadi bimbang dan risau. Tiba-tiba ...

Mulakan cerita anda dengan : Tiba-tiba ...

Tiba-tiba aku terdengar bunyi sesuatu. Malam semakin sejuk, hendak lelapkan mata, aku tidak rasa _____. Aku ingin bangun dari tempat tidurku, namun pelbagai andaian bermain dikepalaku. Aku berasa tidak sedap _____.

Bunyi itu semakin jelas. Setahuku, jiranku telahpun pulang ke kampungnya. Dari manakah datangnya bunyi itu? Aku memberanikan diri untuk _____ dari celah pintu. Aku dapat melihat dengan jelas kelibat dua orang lelaki sedang _____ di dapur. Aku segera menutup lampu kalau-kalau pergerakanku diperhatikan.

Kedua-dua mereka nampak _____. Mereka berjalan terbongkok-bongkok. Mereka membawa beberapa _____ rumah ke sudut halaman.

Menyedari kejadian itu, aku _____ menelefon polis. Tidak lama kemudian, pihak polis pun tiba. Kedua-dua lelaki itu telah _____. Kedua-duanya ialah kumpulan pencuri yang dikehendaki polis.

Aku juga terdengar bunyi deruan enjin kereta ayah. Rupa-rupanya ibu dan ayahku telahpun pulang. Aku amat gembira dan berasa _____. Ibu dan ayah _____ melihat polis disekeliling kawasan rumah. Pihak polis mengucapkan terima kasih kepadaku.

Ibu dan ayahku _____ lebar mendengar cerita daripada pihak polis. Ibu terus datang memelukku. Ibu dan ayah _____ denganku. Aku akan mengingati peristiwa itu sebagai kenangan manis buatku.